

WAQAF DAN IBTIDĀ': PERKAITAN DENGAN ILMU-ILMU LAIN DALAM MENENTUKAN TEMPAT WAQAF DAN IBTIDĀ' DI DALAM AL-QURAN

Fikri Ihsan Khairuddin

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Haneefa Shahrom

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: ahmadfikriihsan@kuim.edu.my

Article history:

Received : 14 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Waqaf dan *ibtidā'* merupakan sebahagian daripada ilmu tajwid yang para pembaca al-Quran dituntut untuk mempelajarinya. Kesalahan dalam penentuan tempat waqaf dan *ibtidā'* boleh menyebabkan perubahan pada makna ayat al-Quran. Namun begitu, tempat waqaf dan *ibtidā'* tidak dapat ditentukan melainkan setelah mengetahui pelbagai ilmu seperti ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah*. Para ulama dalam pelbagai bidang ramai yang memasukkan perbincangan waqaf dan *ibtidā'* dalam karangan mereka. Begitu juga ulama *qurrā'* memasukkan perbincangan ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah* dalam karangan mereka yang berkaitan dengan waqaf dan *ibtidā'*. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang kaitan antara ilmu waqaf dan *ibtidā'* dengan ilmu-ilmu lain dan kepentingan mengetahui pelbagai ilmu dalam menentukan tempat waqaf dan *ibtidā'*. Kajian dilakukan berdasarkan kajian kepustakaan dengan mengkaji perkaitan ilmu-ilmu tersebut di dalam kitab-kitab waqaf dan *ibtidā'* yang ditulis oleh para ulama. Kajian mendapati ilmu waqaf dan *ibtidā'* sangat berkait rapat dengan ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah*. Implikasi daripada kajian ialah pengetahuan dalam ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah* sangat diperlukan dalam menentukan tempat waqaf dan *ibtidā'* di dalam al-Quran. Dengan mengetahui kaitan antara ilmu-ilmu tersebut, para pembaca al-Quran lebih cakna dengan kaedah penentuan tempat waqaf dan *ibtidā'*.

Kata kunci: Waqaf *ibtidā'*, Perkaitan, Ilmu, Kepentingan

WAQAF AND IBTIDĀ': RELATIONSHIP WITH OTHER SCIENCES AND THEIR IMPORTANCE IN DETERMINING PLACES OF WAQAF AND IBTIDĀ' IN THE QUR'AN

ABSTRACT

Waqaf and ibtidā' are part of the science of tajwid that the readers of the Qur'an are required to learn. Errors in determining the place of waqaf and ibtidā' can cause changes in the meaning of Quranic verses. However, the place of waqaf and ibtidā' cannot be determined except after knowing various sciences such as nahu, tafsir, qiraāt and fiqh. Many scholars in various fields include the debate on waqaf and ibtidā' in their books. Similarly, qurrā' scholars include debates on nahu, tafsir, qiraāt and fiqh in their books related to waqaf and ibtidā'. Thus, this writing aims to provide an explanation of the relationship between the knowledge of waqaf and ibtidā' with other sciences and the importance of knowing various sciences in determining the place of waqaf and ibtidā'. The study was conducted based on a literature review by examining the relevance of these sciences in the books of waqaf and ibtidā' written by scholars. The study found that the knowledge of waqaf and ibtidā' is closely related to the knowledge of nahu, tafsir, qiraāt and fiqh. The implication of the study is that knowledge in nahu, tafsir, qiraāt and fiqh is very necessary in determining the place of waqaf and ibtidā' in the Qur'an. By knowing the connection between these sciences, the readers of the Qur'an are more familiar with the method of determining the place of waqaf and ibtidā'.

Keywords: *Waqaf Ibtidā', Relevance, Knowledge, Importance*

PENGENALAN

Ilmu waqaf dan *ibtidā'* merupakan salah satu cabang ilmu dalam ilmu tajwid. Tujuan mempelajarinya adalah untuk mengetahui tempat berhenti dan tempat memulakan bacaan di dalam al-Quran. Kepentingannya hingga sampai tahap Saidina Ali RA meletakkan ia sebagai sebahagian daripada bacaan tartil. Ketika beliau ditanya berkenaan maksud ayat:

وَرَتِّلِ الْفُرْآنَ اَنْ تَرْتِيْلًا [المزّمّل:4]

Maksudnya: “Dan bacalah Al-Quran dengan Tartil”.

[Al Muzzammil:4]

Beliau menjawab: “Tartil ialah memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat waqaf.” (Al-Jazari, 1985).

Waqaf dan *ibtidā'* merupakan suatu ilmu yang sangat penting untuk diketahui oleh setiap pembaca al-Quran kerana setiap manusia dijadikan Allah perlu bernafas dalam setiap masa. Ketika itulah para pembaca al-Quran perlu menentukan tempat berhenti untuk bernafas dalam setiap bacaan mereka. Bacaan Nabi Muhammad SAW ialah baginda sentiasa waqaf pada setiap akhir ayat.

Sepertimana yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA ketika beliau ditanya berkenaan bacaan Nabi Muhammad SAW, lalu beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقَطِّعُ قِرَاءَتَهُ يَقُولُ
{الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ} ثُمَّ يَقِفُ {الرَّحْمَنَ الرَّحِيمَ} ثُمَّ
يَقِفُ وَكَانَ يَقْرَأُهَا {مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ}.

Maksudnya: “*Rasulullah SAW kebiasaannya memotong bacaan baginda. Baginda SAW membaca: (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ). Kemudian baginda SAW berhenti (dan membaca: (الرَّحْمَنَ الرَّحِيمَ)). Kemudian baginda SAW berhenti dan membaca: (مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ).*”

[HR Al-Tirmizi: 2927]

Pengabaian dalam mengetahui tempat waqaf dan *ibtidā'* yang sesuai akan menyebabkan berlaku perubahan pada makna ayat al-Quran. Sebagai contoh, perhatikan ayat 43 dalam surah al-Nisā':

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ
تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ... [النساء:43]

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengerjakan sembahyang ketika kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan...*”

[Surah al-Nisā':43]

Jika seseorang membaca ayat ini dan waqaf pada perkataan (الصَّلَاةَ), maksudnya akan difahami seperti ini: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengerjakannya sembahyang.*” Jadi berhenti di sini akan mendatangkan makna yang salah. Sedangkan ayatnya masih bersambung seperti berikut: “*(Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengerjakannya sembahyang) ketika kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan.*” Maksud sebenar ayat ini ialah orang-orang beriman tidak dibenarkan solat dalam keadaan mabuk kerana orang yang mabuk tidak tahu apa yang dibacanya. Ayat ini diturunkan sebelum berlakunya pengharaman arak secara keseluruhan kepada umat Islam.

Inilah kesan yang berlaku apabila berlaku kesalahan pada tempat waqaf. Ia boleh menyebabkan makna asal sesuatu ayat berubah disebabkan kesalahan pada tempat waqaf. Setiap perkataan dan ayat di dalam al-Quran mempunyai kaitan antara satu sama lain. Kaitan tersebut sama ada dari segi makna ataupun

lafaz ayat itu sendiri. Lebih-lebih lagi, penentuan tempat waqaf dan ibtidā' juga memerlukan pengetahuan dalam ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah*. Perkara inilah yang dinyatakan oleh al-Naḥḥās (1992) ketika menukulkan kata Ibnu Mujahid: “Tidak sempurna sesuatu waqaf melainkan setelah mengetahui ilmu *nahu*, ilmu *qiraat*, ilmu penceritaan dalam al-Quran dan memahami kaitannya antara satu sama lain, dan mengetahui ilmu bahasa Arab yang al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut.”

ISTILAH YANG SERING DIGUNAKAN DALAM PERBAHASAN WAQAF DAN *IBTIDĀ'*

1. Waqaf / Al-Waqf (الوقف)

Waqaf ialah berhenti seketika bacaan, mengambil nafas dan berniat untuk sambung lagi bacaan (Al-Jazari, 1985). Sebagai contoh menghentikan bacaan pada kalimah (الْعَلَمِينَ) di dalam ayat (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ). Kemudian menyambung bacaan dengan memulakan dengan kalimah (الرَّحْمَنُ) di dalam ayat (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ).

2. Qaṭa' / Al-Qat'u (القطع)

Qaṭa' ialah berhenti terus bacaan, mengambil nafas dan berniat untuk mengakhiri bacaan (Salih, 2014). Sebagai contoh menghentikan bacaan pada kalimah (وَلَا الضَّالِّينَ) di dalam ayat (صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا (الضَّالِّينَ) dan mengakhiri bacaan pada ayat tersebut.

3. Saktah/ Al-Sakt (السكت)

Saktah ialah menghentikan bacaan tanpa mengambil nafas dan sambung balik bacaan (Al-Jazari, 2014). Saktah bagi riwayat Hafs 'an 'Āsim hanya dibaca pada enam tempat sahaja di dalam al-Quran (Suwaid, 2019). Tempat tersebut ialah:

i. Surah al-Kahfi ayat 1-2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا (1) قَيِّمًا
لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّنْ لَّدُنْهُ
وَيُبَيِّنَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا (2)
[الكهف: 1-2]

ii. Surah Yāsīn ayat 52

قَالُوا بُيُوتَنَا مَنْ بَعَثْنَا مِنْ مَّرْقَدِنَا ۗ هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ
الْمُرْسَلُونَ [يس: 52]

iii. Surah al-Qiyāmah ayat 27

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ [القيامة: 27]

iv. Surah al-Muṭaffifīn ayat 14

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ [المطففين: 14]

v. Surah al-Hāqqah ayat 28-29

مَا أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَّةٌ (28) هَلْكَ عَنِّي سُلْطَانِيَّةٌ (29) [الحاقة: 28-29]

vi. Akhir surah al-Anfāl dan awal surah al-Taubah

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِن بَعْدُ وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَٰئِكَ مِنكُمْ وَأُولَٰئِكَ
الَّذِينَ هَمَّ بِغُرَابٍ مِّنْهُمُ أُولَىٰ بَعْضُ
فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (75) بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى
الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ (1)
[الأنفال: 75 - التوبة: 1]

4. *Ibtidā'* (الابتداء)

Ibtidā' ialah memulakan bacaan setelah menghentikan bacaan sama ada waqaf atau *qata'* (Salih, 2014). Sebagai contoh memulakan bacaan pada kalimah (إِيَّاكَ) di dalam ayat (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) setelah menghentikan bacaan pada kalimah (الَّذِينَ) di dalam ayat (مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ).

Berdasarkan kepada pengertian istilah tadi, jelas bahawa perkara yang paling penting untuk diketahui ialah tempat waqaf kerana *qata'* dan *ibtidā'* berkait rapat dengan waqaf. Mengetahui tempat waqaf yang sesuai sudah cukup untuk mengetahui tempat *qata'* dan *ibtidā'* yang sesuai. Saktah pula hanya khusus pada tempat-tempat yang tertentu sahaja.

Oleh sebab itu para ulama memfokuskan untuk membincangkan tentang tempat waqaf secara terperinci di dalam kitab-kitab mereka. Terdapat banyak kitab yang membahaskan tentang tempat waqaf di dalam al-Quran. Antaranya ialah:

- 1) Kitab *Idāh al-Waqf wa al-Ibtidā'* karangan Ibn al-Anbārī.
- 2) Kitab *al-Qaṭ'u wa al-Itināf* karangan al-Nahhas.
- 3) Kitab *al-Muktafā* karangan al-Dāni.
- 4) Kitab *Ilal al-Wuqūf* karangan al-Sajawandi.
- 5) Kitab *Manār al-Hudā* karangan al-Asymūni.

PEMBAHAGIAN WAQAF

Para ulama telah membahagikan waqaf kepada beberapa bahagian mengikut kesesuaian untuk waqaf. Sesuatu tempat waqaf perlu dilihat sama ada tempat itu sempurna dari segi lafaz dan sempurna dari segi makna. Sempurna dari segi lafaz bermaksud sesuatu ayat telah lengkap dari segi *i'rabnya*. Contohnya tidak terpisah antara *mubtadā'* dan *khobar*, *fi'il* dan *fā'il* dan sebagainya. Kalimah selepasnya merupakan permulaan ayat yang baru. Manakala sempurna dari segi makna bermaksud sesuatu ayat telah lengkap dari segi penceritaan atau menyatakan sesuatu perkara. Contohnya seperti tidak terpisah pada menyatakan tentang perihal orang mukmin. Ayat selepasnya merupakan permulaan bagi penceritaan yang baru (Al-Qari, 2012). Perkara inilah yang diperbincangkan dalam menentukan tempat waqaf.

Menurut Al-Jazari (2014), waqaf terbahagi kepada empat bahagian:

1. *Waqaf Tām*

Waqaf Tām ialah tempat berhenti yang sempurna dari segi lafaz dan makna. Hukumnya ialah boleh berhenti bacaan dan mula pada perkataan seterusnya. Contohnya di dalam surah al-Baqarah ayat 5 dan 6:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (5) (waqaf tām) إِنَّ
الَّذِينَ كَفَرُوا
سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ (6) [البقرة:5-6]

Maksudnya: “Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya. (5) (*waqaf tām*) Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (6)”

[Surah al-Baqarah:5-6]

2. *Waqaf Kāfi*

Waqaf Kāfi ialah tempat berhenti yang sempurna dari segi lafaz dan tidak sempurna dari segi makna. Hukumnya ialah boleh berhenti dan mula pada kalimah seterusnya. Menurut (Salih, 2014) kebanyakan waqaf di dalam al-Quran merupakan *waqaf kāfi*. Contohnya di dalam surah al-Baqarah ayat 10:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا (waqaf kāfi) وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ [البقرة:10]

Maksudnya: “Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; (*waqaf kāfi*) dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).”

[Surah al-Baqarah:10]

3. *Waqaf Hasan*

Waqaf Hasan ialah tempat berhenti yang belum sempurna dari segi lafaz dan makna. Hukumnya terbahagi kepada dua:

- a) Jika tempat waqaf tersebut bukan pada akhir ayat, maka boleh berhenti tetapi perlu ulang beberapa kalimah sebelum itu. Beberapa kalimah itu bergantung pada kesesuaian maksud ayat jika dimulakan di tempat itu. Contohnya di dalam surah al-Taubah ayat 12:

وَإِنْ نَكَثُوا أَيْمَانَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوا فِي دِينِكُمْ فَقَاتِلُوا أُمَّةَ
الْكَفْرِ (waqaf hasan) إِنَّهُمْ لَا أَيْمَانَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ [التوبة:12]

Maksudnya: “Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mengikat perjanjian setia, dan mereka pula mencela ugama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, (waqaf hasan) kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat).”

[Surah al-Tawbah:12]

- b) Jika tempat waqaf tersebut pada akhir ayat, maka boleh berhenti dan mula pada kalimah seterusnya. Tidak perlu ulang balik beberapa kalimah. Contohnya di dalam surah al-Fatihah ayat 2:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) (waqaf hasan)
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (3) [الفاطحة:2-3]

Maksudnya: “Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) (waqaf hasan) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.”

[Surah al-Fatihah:2-3]

4. *Waqaf Qabīh*

Waqaf Qabīh ialah tempat berhenti yang tidak sempurna lafaz dan makna. Berhenti di tempat tersebut boleh menyebabkan perubahan pada makna asal sesuatu ayat. Hukumnya ialah tidak boleh berhenti kecuali ketika terpaksa berhenti. Maksud terpaksa berhenti ialah terbatuk, bersin, atau apa-apa sahaja keadaan yang kita tidak dapat kawal. Apabila terpaksa berhenti, maka perlu dimulakan dengan mengulang beberapa kalimah sebelumnya. Contoh *waqaf qabīh* ialah di dalam surah al-An'am ayat 36:

﴿إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَى﴾ (waqaf qabīh) يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ
ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ [الأنعام:36]

Maksudnya: “Hanyasanya orang-orang yang menyahut seruanmu itu ialah mereka yang mendengar (yang mahu menurut kebenaran); dan orang-orang yang mati (*waqaf qabīh*) Allah bangkitkan mereka semula (pada hari kiamat kelak), kemudian mereka dikembalikan kepadaNya untuk menerima balasan.”

[Surah al-An'am:36]

Waqaf Pada Akhir Ayat

Waqaf pada akhir ayat juga termasuk dalam perbincangan pembahagian waqaf kerana akhir ayat tidak semestinya *waqaf tām*. Terdapat juga *waqaf kāfi* dan waqaf hasan pada akhir ayat. Malahan terdapat juga ijtihad ulama yang mengatakan wujud *waqaf qabih* pada akhir ayat seperti yang dinyatakan oleh Al-Jazari (1985). Contohnya ayat 4 surah Al-Ma'un:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ
[الماعون:4-5]

Maksudnya: “Maka kecelakaan besar bagi orang-orang yang sembahyang.” (*waqaf qabih*) “laitu mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.”

[Surah al Ma'un:4-5]

Memang ayat ini belum sempurna dari segi lafaz dan makna dan boleh menyebabkan perubahan pada makna asal ayat tersebut. Walau bagaimanapun ia dibenarkan untuk waqaf kerana akhir ayat. Namun tidak boleh untuk *qata'* (berhenti terus bacaan) kerana ayat selepas itu menerangkan perihal orang-orang solat yang mendapat kecelakaan. Kesimpulannya, dibolehkan untuk waqaf pada setiap akhir ayat kerana sunnah Nabi SAW waqaf pada setiap akhir ayat walaupun belum sempurna dari segi lafaz dan makna (Al-Marsafi, 2008).

Pembahagian *Ibtidā'*

Pembahagian *ibtidā'* pula terbahagi kepada empat. Sama sahaja dengan pembahagian waqaf. Pembahagian *ibtidā'* mengikut kepada pembahagian waqaf. Jika *waqaf tam*, maka *ibtidā'* pun jadi *ibtidā' tām*. Jika *waqaf kāfi*, maka *ibtidā'* akan jadi *ibtidā' kāfi*. Jika *waqaf qabih*, maka *ibtidā'* akan jadi *ibtidā' qabih* (Al-Ghul, 2002).

Namun jika *ibtidā'* selepas *waqaf hasan*, ia terbahagi kepada dua bahagian. Jika *waqaf hasan* di akhir ayat, maka *ibtidā'* selepasnya akan jadi *ibtidā' hasan*. Jika *waqaf hasan* bukan di akhir ayat, maka *ibtidā'* selepasnya akan jadi *ibtidā' qabih*. Dikecualikan jika diulang beberapa kalimah sebelumnya, maka *ibtidā'* akan jadi *ibtidā' hasan* (Al-Ghul, 2002).

Perlu juga diketahui bahawa perbincangan tentang waqaf dan *ibtidā'* merupakan perkara ijtihad. Oleh sebab itu tiada tempat yang wajib berhenti atau wajib sambung melainkan ada sebab-sebab yang tertentu (Al-Jazari, 2001). Persoalannya adakah para pembaca al-Quran mampu berijtihad untuk menentukan tempat ini boleh waqaf ataupun tidak? Sememangnya tidak ramai yang mampu. Hal ini kerana ijtihad dalam menentukan tempat waqaf memerlukan kemahiran dalam pelbagai ilmu seperti ilmu *nahu*, *tafsir*, *qiraāt*, *feqah* dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan.

Kaitan Waqaf Dan Ibtidā' Dengan Ilmu-Ilmu Lain

Ilmu waqaf dan *ibtidā'* sangat berkait rapat dengan ilmu-ilmu lain terutama sekali ilmu *nahu*. Ilmu-ilmu lain yang juga berkait ialah ilmu *tafsir*, *qiraāt* dan *feqah*. Perkara inilah yang dinyatakan oleh al-Nahhās (1992) ketika menukulkan kata Ibnu Mujahid: “Tidak sempurna sesuatu waqaf melainkan setelah mengetahui ilmu *nahu*, ilmu *qiraāt*, ilmu penceritaan di dalam al-Quran dan memahami kaitannya antara satu sama lain, dan mengetahui ilmu bahasa Arab yang al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut.”

1. Kaitan Waqaf dan Ibtida' dengan Ilmu Nahu

Al-Quran merupakan Kalamullah yang diturunkan dalam bahasa Arab sepertimana firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ [يوسف:2]

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.*”

[Yusuf:2]

Bagi memahami makna al-Quran, seseorang memerlukan kepada kepakaran dalam ilmu bahasa Arab terutama sekali dalam ilmu *nahu*. Begitu juga dalam menentukan waqaf dan *ibtidā'* di dalam al-Quran. Ulama-ulama *nahu* ramai yang mengarang kitab berkenaan dengan waqaf dan *ibtidā'* di dalam al-Quran. Antaranya ialah Abu Ja'far al-Nahhās di dalam kitabnya “*al-Qat'u wa al-I'tināf*” dan Ibn al-Anbari di dalam kitabnya “*Iḍāḥ al-Waqf wa al-Ibtidā'*”. Ini membuktikan bahawa kaitan antara ilmu waqaf dan *ibtidā'* dengan ilmu *nahu* sangat berkait rapat. Tidak mungkin seseorang dapat menentukan tempat waqaf dan *ibtidā'* melainkan setelah mengetahui ilmu *nahu*.

Contoh perkaitan antara waqaf dan *ibtidā'* dengan ilmu *nahu*:

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ
عَنكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي
اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ
رَبَّنَا أَتَمَّمْنَا نُورَنَا وَأَغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ [التحریم:8]

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "Taubat Nasuha", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya; cahaya*

(iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan); mereka berkata (ketika orang-orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): "Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

[Surah al-Tahrim:8]

Ulama berbeza pendapat pada menentukan tempat waqaf dalam ayat ini. Pendapat pertama menyatakan dibenarkan waqaf pada kalimah (الَّذِينَ). Kalimah (وَالَّذِينَ) selepasnya merupakan *rafa'* 'ala al-Ibtidā' dan *khabar*nya ialah (نُورُهُمْ). Pendapat kedua pula menyatakan dibenarkan waqaf pada kalimah (مَعَهُ) dan tiada waqaf pada kalimah (الَّذِينَ). Kalimah (وَالَّذِينَ) merupakan 'ataf kepada kalimah (الَّذِينَ). Kalimah (نُورُهُمْ) selepasnya merupakan *rafa'* 'ala al-Ibtidā'. (Al-Ashmūni, 2007)

Perbezaan pendapat dalam ilmu nahu menyebabkan perbezaan dalam menentukan tempat waqaf. Oleh sebab itulah ilmu nahu sangat penting dalam menentukan tempat waqaf.

2. Kaitan Waqaf dan Ibtidā' dengan Ilmu Qiraat

Perbezaan qiraat dalam al-Quran sangat banyak jika diperhatikan. Ia memberi impak yang besar dalam menentukan tempat waqaf di dalam al-Quran. Perbezaan qiraat sesetengahnya akan menyebabkan perbezaan pada makna ayat al-Quran (Al-Jazari, 2014). Oleh sebab itu, tempat-tempat waqaf yang diletakkan oleh ulama di dalam mushaf riwayat Hafsh 'an 'Āsim tidak semestinya sama dengan mushaf yang dibaca dengan qiraat lain. Sebagai contoh pada ayat:

لِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ وَإِنْ تُبَدُوْا مَا فِيْ اَنْفُسِكُمْ اَوْ تُخْفُوْهُ
يُحٰسِبْكُمْ بِهٖ ۗ اَللّٰهُ فَیَعْفِرُ لِمَنْ یَّشَآءُ وَیُعَذِّبُ مَنْ یَّشَآءُ ۗ وَاللّٰهُ عَلٰی كُلِّ شَیْءٍ
قَدِيْرٌ [البقرة:284]

Maksudnya: “Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyiksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

[Surah al-Baqarah:284]

Menurut Al-Jazari (2014), terdapat dua bacaan qiraat dalam ayat ini:

1. Nafi', Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Hamzah dan al-Kisaie membaca dengan *jazam* pada dua kalimah *fi'il* (يَغْفِرُ) dan (يُعَذِّبُ).
2. Ibnu 'Amir dan 'Asim membaca dengan *rafa'* pada dua kalimah (يَغْفِرُ) dan (يُعَذِّبُ).

Perbezaan qiraat tersebut telah menyebabkan perbezaan pada penentuan tempat waqaf. Qurra' yang membaca dengan *jazam* tidak boleh berhenti pada lafaz *al-Jalālah* (اللَّهُ) kerana dua kalimah *fi'il* tersebut merupakan *jawab syarat* kepada (وَإِنْ تُبْدُوا) dan dibenarkan waqaf pada kalimah (يَشَاءُ). Manakala qurra' yang membaca dengan *rafa'* dibolehkan waqaf pada lafaz *al-Jalālah* (اللَّهُ) kerana selepasnya merupakan *isti'nāf* atau permulaan ayat baru (Al-Dāni, 2001).

3. Kaitan Waqaf dan Ibtidā' dengan Ilmu Tafsir

Penentuan tempat waqaf juga perlu kepada pengetahuan dalam ilmu tafsir kerana perbezaan pada penafsiran sesuatu ayat akan menyebabkan perbezaan pada penentuan tempat waqaf. Terdapat ulama-ulama tafsir yang memasukkan perbincangan waqaf dan *ibtidā'* secara umum di dalam tafsir-tafsir mereka. Sebagai contoh, Imam Al-Qurtubi (1964) di dalam tafsirnya "*al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*" selalu menyatakan: "Tempat ini sesuai untuk waqaf" atau "Tempat ini tidak sesuai untuk waqaf". Begitu juga Ibnu Kathir (1999) di dalam tafsirnya "*Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm*" dan Fakhrudin Al-Rāzi (1999) di dalam tafsirnya "*Tafsir Maqāṭiḥ al-Ghaib*" turut menyatakan demikian.

Begitulah ulama-ulama tafsir sangat mengambil berat dalam penentuan tempat waqaf di dalam al-Quran. Mereka sedar bahawa kesalahan tempat waqaf akan menyebabkan perubahan pada makna ayat atau penafsiran sesuatu ayat. Sebagai contoh pada ayat:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ
مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ
وَأَبْتِغَاءَ تَأْوِيلَةٍ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ
ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ [آل عمران: 7]

Maksudnya: "Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarakan

maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: " Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran."

[Surah Ali 'Imran:7]

Ulama berbeza pendapat pada menentukan tempat waqaf dalam ayat ini. Pendapat pertama menyatakan dibenarkan waqaf pada lafaz *al-Jalālah* (اللَّهُ). Kalimah (وَالرَّاسِخُونَ) merupakan permulaan ayat yang baru. Tafsir bagi ayat tersebut adalah yang mengetahui maksud sebenar perkara mutasyabihat hanyalah Allah SWT. Manakala orang yang mendalami ilmu agama iaitu ulama tidak tahu maksud sebenar perkara mutasyabihat dan mereka hanya beriman dan berserah maksudnya kepada Allah SWT (Salih, 2014).

Pendapat kedua pula menyatakan tiada waqaf pada lafaz *al-Jalālah* (اللَّهُ) dan dibenarkan waqaf pada kalimah (رَبِّنَا). Kalimah (وَالرَّاسِخُونَ) merupakan 'athaf kepada lafaz *al-Jalālah* (اللَّهُ). Terdapat tafsir bagi ayat tersebut yang menyatakan bahawa orang yang mendalami ilmu agama iaitu ulama juga mengetahui maksud sebenar perkara mutasyabihat. Bukan Allah SWT sahaja yang mengetahuinya (Salih, 2014).

Jadi daripada ayat ini jelas menunjukkan perbezaan para ulama dalam penafsiran al-Quran akan menyebabkan perbezaan pada penentuan tempat waqaf di dalam al-Quran.

4. Kaitan Waqaf dan Ibtidā' dengan Ilmu Feqah

Perbezaan tempat waqaf pada sesuatu ayat juga disebabkan oleh perbezaan dalam ilmu feqah. Para pembaca al-Quran perlu mengetahui perbezaan mazhab dalam ilmu feqah kerana ia akan membantu dalam menentukan tempat waqaf dan *ibtidā'*. Hal ini kerana di dalam al-Quran terdapat tempat yang dibenarkan waqaf bagi sesetengah mazhab tetapi ditegah untuk waqaf bagi mazhab yang lain (Al-Suyuti, 1974). Sebagai contoh pada ayat:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْتَدُوا هُمْ تَمْنِينَ
جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (4) إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا
مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (5) [النور: 4-5]

Maksudnya: "Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik. (4) Kecuali orang-orang yang bertaubat

sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

[Surah Al-Nur:4-5]

Ulama berbeza pendapat pada menentukan tempat waqaf dalam ayat ini. Pendapat pertama menyatakan dibenarkan waqaf pada kalimah (أَبْدًا). Kalimah selepasnya iaitu (وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ) merupakan kalimah yang dikecualikan (*istithnā'*) daripada tidak diterima penyaksian. Manakala kalimah sebelum (أَبْدًا) iaitu (وَالَّذِينَ يَزُمُونَ الْمُهَضَّبَاتِ...) tidak dikecualikan. Ayatnya akan bermaksud seperti ini: “*Tidak diterima penyaksian orang yang melemparkan tuduhan zina sampai bila-bila. Mereka itu ialah orang yang fasik kecuali mereka yang bertaubat (terangkat hukum fasik).*” Di sisi mazhab Hanafi, penyaksian orang yang melemparkan tuduhan zina tidak akan diterima walaupun setelah bertaubat. Hanya hukum fasik terhadapnya terangkat jika telah bertaubat (Al-Ashmuni, 2007).

Pendapat kedua pula menyatakan tiada waqaf pada kalimah (أَبْدًا). Pengecualian (*istithnā'*) daripada tidak diterima penyaksian bermula daripada awal ayat yang keempat iaitu (وَالَّذِينَ يَزُمُونَ الْمُهَضَّبَاتِ...). Ayatnya akan bermaksud seperti ini: “*Tidak diterima penyaksian orang yang melemparkan tuduhan zina sampai bila-bila (mereka ialah orang yang fasik) kecuali mereka yang bertaubat (diterima penyaksiannya).*” Di sisi mazhab jumhur mengatakan bahawa penyaksian orang yang menuduh tidak diterima kecuali setelah bertaubat. Hukum fasik terhadapnya juga terangkat disebabkan oleh taubat tersebut (Al-Ashmuni, 2007).

RUMUSAN

Kesimpulannya, penentuan tempat waqaf dan *ibtidā'* memerlukan ilmu pengetahuan yang cukup sama ada pengetahuan dalam ilmu *nahu*, *qiraāt*, *tafsir* atau *feqah*. Sebenarnya ia bukan berkait rapat dengan ilmu-ilmu ini sahaja, bahkan ia berkait dengan pelbagai ilmu yang berkait dengan makna al-Quran. Ilmu *nahu* berkait rapat dengan lafaz al-Quran. Manakala ilmu-ilmu lain pula berkait dengan makna al-Quran. Kesemua ilmu tersebut berkait rapat dan saling memerlukan antara satu sama lain. Ia bukan perkara yang boleh diambil mudah kerana ia melibatkan makna ayat al-Quran dan kepakaran dalam memahaminya. Kesalahan pada tempat waqaf boleh menyebabkan kesalahan pada maksud sesuatu ayat al-Quran. Oleh sebab itu, ulama berijtihad dengan meletakkan simbol waqaf dalam al-Quran bagi memudahkan para pembaca al-Quran terutamanya bagi umat Islam yang bukan dalam kalangan Arab untuk waqaf pada sesuatu tempat di dalam al-Quran. Selain itu juga disarankan umat Islam supaya mempelajari bacaan al-Quran secara bertalaqqi dengan para sheikh atau guru-guru al-Quran kerana ia merupakan sunnah Nabi SAW, para sahabat dan para ulama. Bacaan al-Quran yang tepat dari segi tajwid dan tempat waqafnya tidak dapat dicapai melainkan dengan bertalaqqi dengan guru al-Quran.

BIODATA PENULIS

Fikri Ihsan Khairuddin memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ijazah Sarjana Muda II dalam bidang al-Quran dan Qiraat dari Universiti al-Azhar Tanta Mesir dan Ijazah Sarjana Muda I dalam bidang al-Quran dan Qiraat dari Maahad Qiraat al-Azhar Shoubra Mesir. Kini berkhidmat sebagai Pensyarah Fakulti Keilmuan Islam di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Haneefa Shahrom memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang al-Quran dan Qiraat dari The World Islamic Science and Education University (WISE) Jordan dan sedang menyambung pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam (KUIM) Melaka. Kini berkhidmat sebagai Pensyarah Fakulti Keilmuan Islam di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

RUJUKAN

- Al-Ashmuni, Ahmad bin Abdul Karim bin Muhammad. (2007). *Manar al-Huda fi Bayan al-Waqf wa al-Ibtida*. Dar al-Hadith. Kaherah, Mesir.
- Al-Dāni, Uthman bin Sa'id bin Uthman. (2001). *Al-Muktafā fi al-Waqf wa al-Ibtida*. Dar 'Ammar. Amman, Jordan.
- Al-Ghul, Muhammad bin Syahadah. (2002). *Bughyat 'Ibad al-Rahman li Tahqiq Tajwid al-Quran*. Dar Ibn 'Affan. Kaherah, Mesir.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf. (1985). *Al-Tamhid fi 'Ilm al-Tajwid*. Maktabah al-Ma'arif. Riyadh, Arab Saudi.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf. (2001). *Manzūmah al-Muqadimah fima Yajib 'ala Qāri' al-Qu'ān an Ya'lamah*. Dar al-Mughni. Riyadh, Arab Saudi.
- Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf. (2014). *Al-Nashr fi al-Qiraāt al-'Ashr*. Dar al-Fikr. Dimasyq, Syria.
- Al-Marsafi, Abdul Fattah Sa'id 'Ajami. (2008). *Hidayat al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*. Dar Majd al-Islam. Kaherah, Mesir.
- Al-Nahhās, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Isma'il. (1992). *Al-Qaṭ'u wa al-Itināf*. Dar 'Ālim al-Kutub. Riyadh, Arab Saudi.
- Al-Qari, Mulla 'Ali. (2012). *Al-Minah al-Fikriyyah*. Dar al-Ghauthani. Dimasyq, Syria.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Anṣari. (1964). *Tafsir al-Qurtubi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Kaherah, Mesir.
- Al-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al-Hasan. (1999). *Tafsir al-Razi - Mafatih al-Ghaib*. Dar Ihya al-Turath al-'Arabi. Kaherah, Mesir.
- Al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abi Bakr. (1974). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Al-Haiyah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab. Kaherah, Mesir.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin Umar bin Kathir. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tauzi'. Riyadh, Arab Saudi.

- Salih, Abdul Karim Ibrahim 'Iwaḍ Salih. (2014). *Al-Waqf wa al-Ibtida wa Silatuhuma bi al-Ma'na fi al-Quran al-Karim*. Dar al-Salam. Kaherah, Mesir.
- Suwaid, Aiman Rusydi Suwaid. (2019). *Al-Tajwid al-Musawwar*. Dar al-Ghauthani. Dimasyq, Syria.